

## KANDUNGAN

	Halaman
1. Kata-kata Aluan Naib Canselor	
2. Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik UiTM	
1.0 Tujuan	1
2.0 Syarat Kenaikan Pangkat	1
2.1 Syarat Skim	1
2.2 Syarat Am	5
3.0 Prosedur Permohonan	5
4.0 Kriteria Penilaian	6
4.1 Prinsip Umum	6
4.2 Pemberat setiap Prinsip Umum Mengikut Gred Jawatan	7
i. Pengajaran dan Penyeliaan	8
ii. Penyelidikan dan Penerbitan	11
iii. Perundingan dan/atau Kepakaran	23
iv. Persidangan	26
v. Khidmat Universiti/Masyarakat	27
vi. Sanjungan dan Anugerah Akademik	29
vii. Kepimpinan dan Kualiti Peribadi	30
5.0 Tanggungjawab Dekan	31
6.0 Jawatankuasa Penilai	31
7.0 Penilai Luar	32
8.0 Lembaga Temuduga	33
9.0 Lembaga Kenaikan Pangkat	34
10.0 Keputusan Kenaikan Pangkat	34
3. Carta Alir Prosedur Penilaian Kenaikan Pangkat Gred Khas C	35
4. Carta Alir Prosedur Penilaian Kenaikan Pangkat DU/DM 54	36
5. Carta Alir Prosedur Penilaian Kenaikan Pangkat DU/DM 52	37
6. Jadual Pelaksanaan Urusan Kenaikan Pangkat Staf Akademik	38
7. Appendik	

## GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UiTM

### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Dokumen ini menjelaskan syarat, kriteria, prosedur, proses dan kaedah pemarkahan kenaikan pangkat staf akademik UiTM yang meliputi kenaikan pangkat gred-gred jawatan berikut di bawah Sistem Saraan Malaysia dan gred-gred jawatan yang setaraf dengannya dalam Sistem Saraan Baru:
- a) kenaikan pangkat Pensyarah Gred DM41 ke jawatan Pensyarah Gred DM46;
  - b) kenaikan pangkat Pensyarah Gred DU/DM45/46 ke jawatan Pensyarah Gred DU/DM52;
  - c) kenaikan pangkat Pensyarah Gred DU/DM51/52 ke jawatan Profesor Madya DU/DM54;
  - d) kenaikan pangkat Profesor Madya DU/DM53/54 ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7); dan
- 1.2 Polisi ini tidak terpakai kepada staf akademik bertaraf kontrak dan calon luar yang dilantik terus untuk memegang jawatan naik pangkat.

### 2.0 SYARAT KENAIKAN PANGKAT

Pada umumnya kenaikan pangkat staf akademik **tidak berasaskan kekosongan jawatan**. Kenaikan pangkat mereka hendaklah berasaskan kepada kecemerlangan akademik yang telah dicapai oleh staf sebagaimana yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah UiTM di bawah Sistem Saraan Malaysia atau Sistem Saraan Baru. Iaitu:

#### 2.1 Syarat Skim

##### 2.1.1 Skim Pensyarah UiTM di bawah Sistem Saraan Malaysia

- (i) Pensyarah UiTM Gred DM41 adalah layak bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM 46 apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) memiliki kelayakan ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
  - (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
  - (d) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (e) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- (ii) Pensyarah UiTM Gred DU/DM45/DM46 adalah layak bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DU/DM52 apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- (iii) Pensyarah UiTM Gred DU/DM51 / DU/DM52 adalah layak bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DU/DM54 (Profesor Madya) apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.

- (iv) Pensyarah UiTM Gred DU/DM53 / DU/DM54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas C (Profesor Gred VK7) apabila telah :-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (e) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- (v) Pensyarah UiTM Gred DU/DM45 / DM46 / DU/DM51 / DU/DM52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan lulus semua tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke jawatan Gred Khas C.
- (vi) Pensyarah UiTM Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan
  - (c) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.

### 2.1.2 Skim Di bawah Sistem Saraan Baru

- (i) Pensyarah UiTM Gred DM3 adalah layak bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM2 apabila telah:-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) memiliki kelayakan ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

- (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan
  - (d) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- (ii) Pensyarah UiTM Gred DM2 adalah layak bagi dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM1 (Profesor Madya) apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan
  - (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- (iii) Pensyarah UiTM Gred DM1 (Profesor Madya) adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas C apabila telah :-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan
  - (b) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- (iv) Pensyarah UiTM Gred DM2 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan lulus semua tahap kecekapan yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke jawatan Gred Khas C (Profesor).
- (v) Pensyarah UiTM Gred Khas C (Profesor) adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM; dan

- (c) diperakukan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

## 2.2 Syarat Am

### 2.2.1 Kenaikan Pangkat Dari DM41 ke DM46

- a) Keutamaan diberikan kepada calon yang memperolehi ijazah kedoktoran dalam bidangnya **DAN**
- b) Telah berada sekurang-kurangnya 3 tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa.

### 2.2.2 Kenaikan Pangkat Dari DU/DM45/DM46 ke DU/DM52 dan DU/DM51/52 ke DU/DM54

- a) Calon hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya ijazah sarjana dan keutamaan diberi kepada calon yang memperolehi ijazah kedoktoran dalam bidangnya **DAN**
- b) Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa.

### 2.2.3 Kenaikan pangkat Dari DU/DM53/54 ke Gred VK7

- a) Keutamaan diberi kepada calon yang memperolehi ijazah kedoktoran dalam bidangnya **DAN**
- b) Telah berada selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam tempoh perkhidmatan di dalam gred jawatan semasa.

## 3.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan untuk pertimbangan kenaikan pangkat staf akademik adalah terbuka sepanjang tahun. Ke kerapannya dilaksanakan adalah ditetapkan dua kali setahun iaitu pada:

**1 Januari**

**1 Julai**

- 3.2 Calon-calon hendaklah mengemukakan permohonan (mengikut format yang ditetapkan) untuk kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Gred DM46, DU/DM52, Profesor Madya DU/DM54 dan Profesor Gred Khas C. Setiap permohonan hendaklah dikemukakan melalui Dekan Fakulti/Pengarah Kampus pada bila-bila masa yang mereka fikirkan sesuai dan layak untuk dinaikkan pangkat.
- 3.3 Dekan Fakulti/Pengarah Kampus hanya akan memajukan permohonan calon yang memenuhi syarat (Syarat Skim Perkhidmatan dan Syarat Umum) kepada Jawatankuasa Kecil Kesepakatan yang akan dilantik oleh Pengerusi Gugusan untuk proses penilaian.
- 3.4 Jawatankuasa Kecil Kesepakatan akan menetapkan jadual sidang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Jadual sidang berkenaan akan dimaklumkan kepada semua staf akademik melalui pekelilingan.
- 3.5 Jawatankuasa Kecil Kesepakatan akan membuat penilaian berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan mengemukakan laporan penilaian kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan. Proses penilaian ini adalah secara berterusan mengikut jadual sidang yang berkenaan.
- 3.6 Pemohon hanya perlu mengemukakan permohonan untuk kali pertama sahaja bagi sesuatu gred kenaikan pangkat. Calon-calon yang diputuskan masih belum layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat, akan dimaklumkan tempoh masa mereka akan dinilai semula. Calon berkenaan tidak perlu mengemukakan permohonan baru kecuali bahan-bahan terkini yang belum pernah dinilai.

***(Carta Aliran Prosedur Kenaikan Pangkat Staf Akademik di Lampiran A dan B)***

## **4.0 KRITERIA PENILAIAN**

### **4.1 Prinsip Umum**

Secara umumnya setiap staf akademik akan dinilai berasaskan tujuh (7) prinsip berikut:

1. Pengajaran dan Penyeliaan
2. Penyelidikan dan Penerbitan
3. Perundingan dan/atau Kepakaran
4. Persidangan
5. Khidmat Universiti/Masyarakat

6. Sanjungan dan Anugerah Akademik
7. Kepimpinan dan Kualiti Keperibadian

#### 4.2 Pemberat Setiap Prinsip Umum Mengikut Gred Jawatan

	Prinsip-prinsip Umum	Ke DM46 Pensyarah	Ke DU/DM52 Pensya. Kanan	Ke DU/DM54 Prof. Madya	Ke VK7 Profesor
1.	Pengajaran dan Penyeliaan	60	35 - 50	20 -30	10 -15
2.	Penyelidikan dan Penerbitan	20	10 -20	15 – 25	20 -30
3.	Perundingan dan/atau kepakaran		2 -5	6 -10	10 -15
4.	Persidangan		3 -5	7 -10	7 – 10
5.	Khidmat (Universiti/Masyarakat)	20	5 – 10	5 – 15	5 -15
6.	Sanjungan dan Anugerah Akademik		2 -5	3 -5	4 -10
7.	Kepimpinan dan Kualiti Keperibadian		3 -5	4 - 5	4 -5
		Tiada Temuduga	Tiada Temuduga	Temuduga	Temuduga
	Jumlah	70 -100	60 -100	60 -100	60 - 100



## PRINSIP UMUM PENILAIAN (KATEGORI)

### 1.0 PENGAJARAN DAN PENYELIAAN (10% - 50%)

	Markah Maksimum	Ke DM46 Pensyarah 16 jam (60%)	Ke DU/ DM 52 Pens. Kanan 10-12 jam 35%-50%	Ke DU/ DM 54 Prof. Madya 8-10 jam 20%-30%	Ke VK 7 Profesor 4-6 jam 10%-15%
<b>1.1 PENGAJARAN</b> <small>Nota 1 &amp; 2</small> Mengikut tahap; § PhD (4-6 mata) § Sarjana (6-8 mata) § Profesional (8-10 mata) § Sarjana Muda/ (8-10 mata) § Diploma (8-10 mata) § Pra-ijazah § Pre Diploma/Sijil	(10 mata) (10 mata) (10 mata) (10 mata) (10 mata) (10 mata)	(80%) 4 kursus	6-8 jam (60%) 3 Kursus	4-6 jam (50%) 2 Kursus	2-3 jam (40%) 1 Kursus
<b>1.2 PENYELIAAN</b> <small>Nota 3</small> § Tesis ( <i>secara penyelidikan: 8 utk Ms, 10 utk PhD.</i> ) § Disertasi; (DBA/PhD 6, Ms. 4 mata) § Projek/Studio/Makmal; (4-6 mata) § Amali/praktikum; (2-4 mata) § Tugas Ilmiah (1-3 mata)	10 - 30 mata  8 mata 6 mata 6 mata	(20%)       Jumlah Markah = 20	4 jam (40%) Pref. Min. 1 Masters (res.) atau 2 (partial req.)  (dalam jawatan semasa)  Jumlah Markah = 20	4 jam (50%) Incl. Min. 2 Masters (res.) atau 6 (partial req.)  (dalam jawatan semasa) Total Marks = 30	4 jam (60%) Incl. Min 3 Masters/1 Phd (res.) atau 9 Ms. /2 Phd. (partial req.)  (dalam jawatan semasa)  Total Marks = 30

Nota 1 - Kaedah Pelaksanaan (DU/DM45/DM46, dan DU/DM 51/52 ke VK7)

1. Markah pemberatan yang mengambil kira keupayaan/kewibawaannya untuk mengajar kursus yang lebih tinggi. Umpamanya pensyarah DM45 dan DM46 yang mengajar kursus di peringkat PhD akan mendapat markah yang lebih tinggi.
2. '*Teaching portfolio*' disemak dan dinilai bagi menentukan peningkatan pembelajaran dan pengajaran secara berterusan.
3. Memperolehi penilaian yang cemerlang daripada pelajar.
4. Menjadi mentor kepada pelajar.
5. Merangka sistem penilaian yang inovatif.
6. Menjadi mentor kepada pensyarah (untuk DU/DM54 & VK7).

Nota 2 - Kaedah Pelaksanaan (DU/DM 53/54 ke VK7)

1. '*Teaching portfolio*' disemak dan dinilai bagi menentukan peningkatan pembelajaran dan pengajaran secara berterusan.
2. Memperolehi penilaian yang cemerlang daripada pelajar.
3. Menjadi penasihat akademik kepada pelajar.
4. Merangka sistem penilaian yang inovatif.
5. Menjadi mentor dalam pembelajaran dan penyelidikan.
6. Menjadi pakar rujuk dalam bidang pengkhususan.
7. Mewujudkan dan/atau memperkukuhkan kursus dan/atau program baru samada di peringkat Sarjana Muda atau Pasca Ijazah (untuk VK7 sahaja)

Nota 3 - Kaedah Pelaksanaan Penyeliaan

1. Penyelia Utama diberi 10 markah dan Penyelia Bersama diberi 5 markah berdasarkan kadar pemberian amanah tugas yang telah ditetapkan oleh pihak HEA atas nisbah (Lihat Jadual di bawah)
2. Nilai calon yang telah sekurang-kurangnya telah menyelia dua calon di peringkat ijazah sarjana **atau** seorang calon ijazah doktor falsafah dan satu calon ijazah sarjana **atau** 10 - 30 calon peringkat sarjana muda.
3. Nilai calon yang berkeupayaan menyelia dan menilai tesis dalam pelbagai tajuk dalam bidangnya.
4. 'Penyeliaan' bermaksud penyeliaan semasa. Sekiranya pelajar telah tamat dan lulus maka penyelia akan diberi markah bonus sebanyak 2 markah bagi sarjana dan 5 bagi kedoktoran.

		DU/DM52 Pens. Kanan 10-12 jam 35-50%	Jumlah pelajar diselia 80%	Jumlah pelajar tamat 20%	DU/DM54 Prof Madya 8-10 jam 20-30%	Jumlah pelajar diselia 80%	Jumlah pelajar tamat 20%	VK7 Profesor 4-6jam 10-15%	Jumlah pelajar diselia 80%	Jumlah pelajar tamat 20%
Tesis Penyelidikan	PhD	10			10			10		
	Sarjana	8			8			8		
Disertasi	PhD/DBA	8			8			8		
	Sarjana	6			6			6		
Projek/Studio/Makmal	Sarjana Muda	6			6			6		
	Diploma	4			4			4		
Amali/Praktikum	Sarjana Muda	4			4			4		
	Diploma	2			2			2		
Tugasan Ilmiah	Sarjana Muda	3			3			3		
	Diploma	2			2			2		

## 2.0 PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN (10% - 30%) 1:1

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<b>2.1 Penyelidikan</b>			<b>60</b>	<b>70</b>	<b>80</b>
<b>2.1.1 Penerbitan Hasil Penyelidikan</b> <sup>Nota 4</sup>			40	40	40
<b>A. Antarabangsa</b>	25				
A1. Buku Penyelidikan/Monograf	20				
A2. Jurnal/E-Jurnal/Prosiding Bertaraf Jurnal	10				
A3. Prosiding/Bab Dalam Buku	5				
A4. Laporan Teknikal					
<b>A1a. Buku Penyelidikan Antarabangsa</b>					
<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Buku mesti diterbitkan (atau telah diterima) oleh penerbit akademik antarabangsa yang diiktiraf oleh Universiti (contoh – McGraw Hill, Prentice Hall, Thomson, DBP). <sup>Nota 5</sup></li> <li>ii. Universiti mesti memberi definisi yang jelas berkaitan dengan Penerbit Akademik.</li> </ul>	40		-	40	40

<p>A1b. Monograf Penyelidikan Monograf yang dihantar kepada IRPA atau lain-lain agensi antarabangsa Contoh - JSPS, World Bank, WHO dan sebagainya Kriteria: i. Kandungan berkaitan bidang kepakaran penulis ii. Surat perakuan dari agensi berkenaan</p>	15		-	30	30
--	----	--	---	----	----

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<b>A2a. Jurnal</b> i. Jurnal Perdana (Flagship Journal) Jurnal perdana yang mempunyai 'high impact factor' pada profesion atau bidang pengkhususan penulis <sup>Nota 6</sup>	100			100 (Markah bonus)	
ii. International Journal Jurnal terkemuka yang diterima penggunaannya di peringkat antarabangsa	50	-	100	100	
iii. Refereed Journal Jurnal yang mempunyai 'editorial board' untuk menilai kesesuaian artikel untuk diterbitkan di peringkat antarabangsa / kebangsaan	30	30	60	90	
iv. Professional/Industry Journal a. antarabangsa b. kebangsaan	10 5	20 10	30 15	50 25	
v. Occasional Papers a. antarabangsa b. kebangsaan	10 5	10 5	20 10	30 15	
<b>A2b. Bab Dalam Buku</b> Hasil penyelidikan yang dimuatkan dalam satu bab buku penerbitan antarabangsa	20	20	20	40	40

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<b>A3 Prosiding</b>					
a. Prosiding Persidangan yang mempunyai ISBN/berwasid	10	30	30	30	30
b. Prosiding Persidangan yang tidak mempunyai ISBN/ yang tidak berwasid	5	20	15	10	10
<b>A4. Laporan Teknikal Dalam Bidang</b> Laporan yang diterbitkan hasil dari kontrak penyelidikan (research). Contoh:- World Bank, WHO	5	10	10	10	10
<b>B. Kebangsaan</b>		100	30	30	30
B1. Buku Penyelidikan/Monograf	20				
B2. Jurnal/E-Jurnal/Prosiding Bertaraf Jurnal	15				
B3. Prosiding/Bab Dalam Buku	8				
B4. Laporan Teknikal	3				
<b>B1a. Buku Penyelidikan Kebangsaan</b>	20		20	20	40
i. Buku mesti diterbitkan (atau telah diterima) oleh penerbit kebangsaan yang diiktiraf oleh pihak universiti (contoh – UPENA, Dewan Bahasa dan Pustaka, Utusan, Pelandok dan lain-lain penerbit yang diiktiraf oleh Universiti).					

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
B1b. Monograf Penyelidikan Monograf yang dihantar kepada Pengurusan Penyelidikan Universiti atau lain-lain agensi kebangsaan. Contoh - IRDC, Kem. Pengajian Tinggi, Felda dan sebagainya. Kriteria: i. Kandungan berkaitan bidang kepakaran penulis ii. Surat perakuan dari agensi berkenaan	10		20	30	30
B2. Refereed Journal Artikel telah diterbitkan atau telah diterima oleh pihak jurnal (perlu surat pengesahan). Kriteria:- i. Jurnal berwasid kebangsaan dalam bidang penulis ii. Editorial terdiri daripada pakar-pakar kebangsaan	15		15	30	30
B3a. Bab Dalam Buku Hasil penyelidikan yang dimuatkan dalam satu bab buku penerbitan kebangsaan.	8		16	16	16
B3b. Prosiding Prosiding Persidangan yang mempunyai ISBN dan telah diwasidkan (refereed).	8		24	24	24



Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
B4. Laporan Teknikal Dalam Bidang Pengkhususan Laporan yang diterbitkan hasil dari kontrak penyelidikan (research). Contoh:- Bank Negara, Felda, KWSP dan sebagainya.	3		9	9	9
<b>C. Ulasan Buku/ Laporan Teknikal/ Artikel yang sedang dinilai</b>	5		20	20	20

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<p><b>2.1.2 Geran Penyelidikan</b></p> <p>1. menjalankan, memperolehi penyelidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>berjumlah melebihi RM200,000, dalam tempoh perkhidmatan semasa <i>Pemohon akan mendapat markah 15 dengan nilai geran sekurang-kurangnya seperti di atas, dan bertambah mengikut merit dengan markah maksima 30 bagi projek nilai geran RM500 ribu bagi DU/DM52, RM1 juta bagi DU/DM54 dan RM3 juta bagi VK7</i></li> <li>berjumlah sekurang-kurangnya RM50,000 - RM200,000 <i>Pemohon akan mendapat markah 15 dengan nilai geran sekurang-kurangnya seperti di atas, dan bertambah mengikut merit dengan markah maksima 30 bagi projek nilai geran RM200 ribu bagi DU/DM52, RM500 ribu bagi DU/DM54 dan RM2 juta bagi VK7</i></li> </ul> <p>Y berjumlah kurang dari RM 50,000</p> <p><i>Setiap ahli penyelidik bersama dalam sesuatu projek penyelidikan akan mendapat markah yang sama iaitu 2/3 daripada ketua projek.</i></p>	<p>30</p> <p>20</p> <p>20</p> <p>10</p> <p>10</p>		20	30	40

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<b>Markah Tambahan</b> <b>A1. Paten</b> 1. Antarabangsa 2. Kebangsaan  Paten adalah hasil, konsep yang dihasilkan, instrument, proses, produk yang asli atau tambah nilai yang telah didaftarkan kepada pihak yang berkaitan. (rujuk kepada IRDC untuk pengesahan) <i>Contoh: model kereta, corporate governance rating instrument, produk elektrik dan sebagainya.</i>	20 15		20	20	20
<b>A2. Inovasi</b> 1. Antarabangsa 2. Kebangsaan  Inovasi adalah hasil daripada penambahbaikan sesuatu ciptaan sedia ada diiktiraf di peringkat antarabangsa atau kebangsaan. <i>Contoh: proses tambah nilai dalam penghasilan karbon teraktif dan sebagainya.</i>	20 15				
<b>B1. Anugerah Reka Cipta (Invention)</b> 1. Antarabangsa 2. Kebangsaan  Anugerah kepada ciptaan/konsep/idea yang asli yang diterimapakai atau diiktiraf di peringkat antarabangsa dan kebangsaan <i>Contoh: Geneva Invention Award, Anugerah Sains Negara dan sebagainya</i>	20 15				

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<b>B2. Anugerah Seni Visual</b> 1. Antarabangsa 2. Kebangsaan  Anugerah kepada ciptaan/konsep/idea yang asli yang diterimapakai atau diiktiraf di peringkat antarabangsa atau kebangsaan  <i>Contoh: Logo, Astaka, Majalah, Ukiran Ais, Senibina Seni Tamanan, dan sebagainya</i>	20 15				
<b>2.2 Penerbitan dan/atau Karya Kreatif</b>  <b>A1. Penerbitan Akademik</b> 1a. Buku Teks Universiti/Buku Rujukan Kepakaran <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Buku mestilah melalui proses pengeditan sebelum diterbitkan</li> <li>ii. Buku mesti diterbitkan (atau telah diterima untuk dicetak) oleh penerbit yang diiktiraf oleh pihak universiti (contoh – McGraw Hill, Prentice Hall, Thomson, DBP, UPENA dll).</li> <li>iii. Buku digunakan sebagai buku teks peringkat Universiti dalam bidang pengkhususan penulis.</li> <li>iv. Potensi kegunaan/bacaan oleh pasaran semasa. KPI – Book review, edisi, ulangcetak</li> </ul>	40		45	45	45
			-	40	40

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
1b. Buku Teks Universiti berbentuk "Sprint Print"/Manual i. Buku mesti diterbitkan (atau telah diterima untuk dicetak) oleh penerbit yang diiktiraf oleh pihak universiti (contoh – McGraw Hill, Prentice Hall, Thomson, DBP, UPENA dll). ii. Buku digunakan sebagai buku teks peringkat Universiti dalam bidang pengkhususan penulis	10		20	-	-
1c. Terjemahan Hasil buku yang diterjemahkan dari karya asal oleh penulis dalam bidang pengkhususannya di peringkat Universiti i. Buku digunakan sebagai buku teks/rujukan diperingkat Universiti dalam bidang pengkhususan	30		-	30	30
1d. Penyuntingan Hasil penyuntingan ke atas keseluruhan karya yang digunakan sebagai buku teks/rujukan di dalam bidang pengkhususan di peringkat Universiti	20		-	20	20
1e. Edisi Awal/ / Rencana (ulasan buku, kritikan)	10				

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
<p><b>A2. Karya Kreatif</b>                      Karya Kreatif untuk item 1- 4 di bawah adalah hasil ciptaan individu/kumpulan yang asli dipersembahkan kepada umum perlu didokumentasikan. Klasifikasi karya dan pemarkahan ialah seperti berikut</p>			45	45	45
<p>a. Peringkat Kebangsaan: (50%)</p> <p>i. Secara Individu (sepenuhnya daripada markah penilaian yang diberi).</p> <p>ii. Secara Kumpulan (penuh daripada markah penilaian yang diberi untuk ketua, 2/3 setiap satu untuk ahli kumpulan).</p> <p>iii. Penulisan kreatif spt. skrip, lirik Katalog pameran (Hasil Karya yang didokumentasikan).</p>	40		40		
<p>b. Peringkat Antarabangsa (100%)</p> <p>i. Secara Individu (sepenuhnya daripada markah penilaian yang diberi).</p> <p>ii. Secara Kumpulan (penuh daripada markah penilaian yang diberi untuk ketua, 2/3 setiap satu untuk ahli kumpulan).</p> <p>iii. Penulisan kreatif spt. skrip, lirik Katalog pameran (Hasil Karya yang didokumentasikan).</p>	40		20		

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 10%-20%	DU54/ DM54 15%-25%	VK7 20%-30%
1. Pameran (Lukisan/ Rekaan/ Fotografi) 2. Persembahan (Seni Muzik/Seni Suara/Teater/Hos Program TV&Radio) 3. Penghasilan Filem/Video/Teater/ Antologi Puisi/ Software /Multimedia/ Penulisan Kopi (Copy Writing) 4. Composition/Conducting Music (by invitation)	20				
B Modul-modul lain Contoh : Panduan Perkakasan Kursus / Protokol Perawatan pesakit	10		10	10	10

C. Sidang Editorial (Journal) untuk setiap perantaraan			5	10	10
1. Antarabangsa	10				
2. Kebangsaan	5				
D. Penerbitan Lain			25	25	25
<p>Hasil Karya yang didokumentasikan:</p> <p>i. dalam bidang pengkhususan</p> <p>ii. bukan dalam bidang pengkhususan</p>					
1. Buku Teks Pra-Universiti/ Novel/ Cerpen/ Antologi Puisi/ Manual/Biografi	20				
2. Kerja Penyuntingan - Buku/ Video/Manual	15				
3. CAI/ Multimedia/ Rencana Isu Semasa	10				
4. Video/ Dokumentasi rasmi universiti	10				
5. Media Massa (penulisan dalam bidang)	5				
Jumlah Bagi Perkara 2.0 (2.1 + 2.2)			105	115	125

Total 2.1 = 60

Nota 4 - Pembahagian Markah

1. Pemarkahan kepada '*corresponding author, senior author dan main author*' ialah markah penuh yang dinilai dan dua pertiga (2/3) seorang kepada setiap ahli yang lain bagi setiap bahan yang dinilai. \*\*\*
2. Jika '*corresponding author*' tidak dikenalpasti pemarkahan diberi sama rata iaitu dua pertiga (2/3) tiap-tiap seorang bagi setiap bahan yang dinilai.

\*\*\* maklumat ini perlu dinyatakan di dalam borang



- Penulis Pengantara (Corresponding author) adalah seorang penulis yang berperanan sebagai pengantara kumpulan penulis dengan penerbit dan pembaca.
- Penulis Utama (Main author) adalah penulis utama artikel yang lazimnya nama pertama di dalam artikel.
- Penulis Kanan (Senior author) adalah penulis yang menentukan kualiti artikel yang lazimnya nama terakhir dalam artikel.

#### Nota 5 - Panel Penerbit

1. Penerbit Akademik yang diiktiraf oleh Universiti. Universiti perlu menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengenalpasti penerbit akademik berkaitan.

#### Nota 6 - Bidang Pengkhususan

1. Penyelidikan dan penulisan akademik yang diperlukan oleh profesion dan universiti dalam bidang pengkhususan akan diberi markah penuh yang diperolehi mengikut wajaran.

**3. PERUNDINGAN DAN/ATAU KEPAKARAN (2% - 15%)**

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 2% - 5%	DU54/DM54 6% - 10%	VK7 10% - 15%
<p><b>3.1 PERUNDINGAN (LULUS /BERDAFTAR DENGAN PENGURUSAN PENYELIDIKAN UiTM)</b></p> <p><b>A. Perundingan Tanpa Ganjaran Kewangan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Universiti (di luar tugas hakiki)/ Pusat Pengajian / Penyelidikan</li> <li>Badan Profesional - Kebangsaan atau Antarabangsa</li> <li>Agensi Kerajaan</li> </ul>	35		Keperluan 70 (Jika ada Bonus 10)	70	70
<p>1. Bertanggungjawab memperolehi perundingan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bercorak Akademik/Profesional berjumlah melebihi RM200,000, dalam tempoh perkhidmatan semasa pemohon akan mendapat markah 15 dengan nilai geran sekurang-kurangnya seperti di atas, dan bertambah mengikut merit dengan markah maksima 30 bagi projek nilai geran RM500 ribu bagi DU/DM52, RM1 juta bagi DU/DM54 dan RM3 juta bagi VK7</li> <li>Bercorak Penyelidikan Berjumlah RM50,000 – RM200,000 Pemohon akan mendapat markah 15 dengan nilai geran sekurang-kurangnya seperti di atas, dan bertambah mengikut merit dengan markah maksima 30 bagi projek nilai geran RM200 ribu bagi DU/DM52, RM500 ribu bagi DU/DM54 dan RM2 juta bagi VK7</li> <li>Berjumlah kurang dari RM50,000</li> </ul> <p>Setiap ahli penyelidik dalam sesuatu projek perundingan akan mendapat markah yang sama</p>	<p>30 15</p> <p>30 15</p> <p>10</p>		Tiada keperluan (Jika ada maksimum bonus 20)	30	30

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 2% - 5%	DU54/DM54 6% - 10%	VK7 10% - 15%
<p><b>3.2 KEPAKARAN</b></p> <p><b>A. Penilai/Pemeriksa</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penilai akademik/akreditasi/piawaian</li> <li>2. Pemeriksa luar pasca siswazah ikhtisas</li> <li>3. Pemeriksa luar tesis Ph.D</li> <li>4. Pemeriksa luar tesis Sarjana</li> <li>5. Penilai kenaikan pangkat</li> <li>6. Pemeriksa dalaman tesis/pasca siswazah ikhtisas</li> <li>7. Pemeriksa Luar Siswazah</li> <li>8. Ketua/Panel Penasihat di luar UiTM spt. IPT, LAN, IRPA, IGS, JKIPTA, JKKem.Peng.Tinggi, JK Agensi Kerajaan, dll.</li> <li>9. Panel Hakim berbentuk akademik/pengkhususan</li> </ol> <p><i>Pemohon hendaklah memperolehi 1 perlantikan sepanjang tempoh perkhidmatan jawatan semasa untuk DU/DM51/52, 5 untuk DM53/54 dan 10 untuk VK7</i></p>	30		Tiada keperluan (Jika ada maksimum bonus 100)	30	30
<p><b>B. Profesor Kunjungan/ Fellowship</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antarabangsa*</li> <li>• Kebangsaan</li> </ul>	30 15		Markah bonus** Markah bonus**	30	30
<p><b>C. Penilai Artikel Jurnal Akademik/Penilai Kertaskerja/ AJK/ Penilai Teknikal/Saintifik/ Pembincang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antarabangsa*</li> <li>• Kebangsaan</li> </ul>	20 10		Markah bonus** Markah bonus**	20	20
<p><b>D. Syarahan Jemputan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antarabangsa*</li> <li>• Kebangsaan</li> </ul>	20 10		Markah bonus** Markah bonus**	20	20

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 2% - 5%	DU54/DM54 6% - 10%	VK7 10% - 15%
<p><i>*Tarf antarabangsa dimaksudkan kepada status/imej bukannya geografi</i> <i>**Markah bonus mengikut wajaran tahap kecemerlangan</i></p> <p>E. Penggubal (Polisi, Dasar, Piawaian, Garis Panduan, Prosedur, Akta)</p> <p><i>i. Antarabangsa</i> <i>ii. Kebangsaan</i></p>	30 20		Markah bonus** Markah bonus**	Markah bonus** Markah bonus**	Markah bonus** Markah bonus**
<b>Total untuk perkara 3 (3.1 +3.2)</b>			<b>70</b>	<b>200</b>	<b>200</b>

<i>Total</i>					
--------------	--	--	--	--	--

#### 4. PERSIDANGAN (3% - 10%)

Hasil	Markah Setiap Hasil (Purata Setahun)	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 3%-5%	DU54/DM54 7%-10%	VK7 7%-10%
<b>A. Peranan dalam persidangan ANTARABANGSA</b> 1. <b>Keynote</b> / Plenary speaker 2. a. Pembentang kertaskerja/ <b>Forum member/Invited speaker</b> <b>b. Penulis bersama</b> 3. Pembentang poster 4. Pengerusi sesi 5. "Rapporteur" 6. Peserta	25 20 15 15 10 10 5		50	50	50
<b>B. Peranan dalam persidangan KEBANGSAAN</b> 1. <b>Keynote</b> /"Plenary speaker" 2. a. Pembentang kertaskerja/ <b>Forum member/Invited speaker</b> <b>b. Penulis bersama</b> 3. Pembentang poster 4. Pengerusi sesi 5. "Rapporteur" 6. Peserta	20 15 10 10 5 5 5		30	30	30
<b>C. Keahlian Jawatankuasa Persidangan</b> 1. Antarabangsa 2. Kebangsaan	10-20* 5-10*		20	20	20
<b>Total 4 (a+b+c)</b>			<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

- Mengikut peranan



**5. KHIDMAT UNIVERSITI/MASYARAKAT (5% - 15%)**

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 5% - 10%	DU54/DM54 5% - 15%	VK7 5% - 15%
<b>A. Universiti</b>					
<b>i. Pentadbiran</b>		100	50	50	50
• NC	50				
• TNC	50				
• PNC/Dekan/Pengarah Kampus/ Pengarah Bahagian / Pengerusi Gugusan	50				
• Timb. Dekan/Timb. Pengarah/Pengetua Kolej / Pengerusi Pusat Pengajian	30				
• Ketua Program / Koordinator	20				
• Penyelaras Unit	15				
• Residen Staf	15				
<b>ii. Jawatankuasa Peringkat Universiti</b> Ahli Atas Nama	20				
<b>iii. Jawatankuasa Peringkat Fakulti/Pusat/Kampus Cawangan</b> Ahli Atas Nama	10				
<b>iv. Mewakili Universiti</b> - Sukan dan Kegiatan Bukan Akademik Lain	20				
• Antarabangsa	10				
• Kebangsaan	5				
• Universiti					



Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/ DM52 5% - 10%	DU54/ DM54 5% - 15%	VK7 5% - 15%
<b>B. Keahlian Badan Profesional</b> atau bagi bidang yang tiada badan profesional ialah keahlian dalam persatuan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan atau antarabangsa  i. Keahlian Badan Profesional <ul style="list-style-type: none"> <li>• Presiden 50</li> <li>• Timbalan Presiden 30</li> <li>• Setiausaha 20</li> <li>• Bendahari 20</li> <li>• Ahli 10</li> </ul> ii. Jawatankuasa / <b>Persatuan / Pertubuhan</b> (sebagai) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengerusi 30</li> <li>• Timbalan Pengerusi 20</li> <li>• Setiausaha 20</li> <li>• Bendahari 20</li> <li>• Ahli <b>jawatankuasa</b> 10</li> </ul>			30	30	30
<b>C. Masyarakat Umum / NGO / organisasi lain</b>  i. Peringkat Antarabangsa 10-20* ii. Peringkat Kebangsaan 5-10* iii. Peringkat Negeri/Daerah 1-5*			20	20	20

			100	100	100
--	--	--	-----	-----	-----

\* Mengikut jawatan

**6. SANJUNGAN DAN ANUGERAH AKADEMIK (2%-10%)**

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 2% - 5%	DU54/DM54 3% - 5%	VK7 4% - 10%
<b>A. Anugerah Akademik</b> (seperti hadiah/ khidmat cemerlang/ penyelidik/pingat/zamalah/anugerah kerusi/biasiswa luaran. Contoh <i>Fullbright, Monbusho</i> dll.) i. Antarabangsa ii. Kebangsaan iii. Universiti	50 30 20		50	50	50
<b>B. Sanjungan Akademik</b> (penghargaan dari dalam dan luar universiti terhadap sumbangan bakti. Contoh: Surat Penghargaan dari aspek akademik) . i. Antarabangsa ii. Kebangsaan iii. Universiti	50 30 20		50	50	50
<b>Total (A + B)</b>			<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**7. KEPIMPINAN DAN KUALITI KEPERIBADIAN ( 3% - 5%)**

Hasil	Markah Setiap Hasil	Jumlah Maksimum			
		DM46 20%	DU52/DM52 3% - 5%	DU54/DM54 4% - 5%	VK7 4% - 5%
<b>A. KEPIMPINAN</b> Tenaga penggerak dan peneraju kesarjanaan akademik dan / atau profesyen spt. Pusat Kecemerlangan, SIGs, Mentoring, Initiating R&D, anticipatory actions, enterprising dll.	40		40	40	40
<b>B. KEPERIBADIAN</b> Sifat-sifat atau kualiti istimewa yang dimiliki oleh kakitangan tersebut., mempunyai integriti, team-work, berwibawa	40		40	40	40
<b>C. JALINAN</b> Meningkatkan jalinan kepakaran melibatkan Fakulti / Universiti diperingkat kebangsaan dan antarabangsa	20		20	20	20
<b>Total</b>			<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

## 5.0 TANGGUNGJAWAB DEKAN

- 5.1 Staf akademik boleh membuat semakan sendiri sama ada telah bersedia atau tidak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat berdasarkan syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 5.2 Permohonan boleh dikemukakan pada bila-bila masa dengan menggunakan format yang ditetapkan dan hendaklah dihantar melalui Dekan Fakulti yang berkenaan.
- 5.3 Dekan adalah bertanggungjawab:
  1. Menyemak syarat skim perkhidmatan dan syarat am pemohon.
  2. Mengesahkan dan menyalurkan permohonan kepada Jawatankuasa Kecil Kesepakatan.

## 6.0 JAWATANKUASA PENILAI

### 6.1 Jawatankuasa Kesepakatan

Proses penilaian hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan yang dilantik oleh Pengerusi Gugusan mengikut bidang pengkhususan.

6.1.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kecil Kesepakatan adalah seperti berikut:

1. Pengerusi : Profesor bidang Pengkhususan
2. Ahli : 2 orang yang setara kepakaran dari Gred yang lebih tinggi daripada calon yang dinilai  
*Dilantik oleh Pengerusi Gugusan  
(dua orang ahli adalah keanggotaan minimum)*
3. Setiausaha : Timbalan Pendaftar Kanan/Timbalan Pendaftar/Penolong Pendaftar Fakulti

6.1.2 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kecil Kesepakatan

1. Menilai permohonan berdasarkan 7 kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti.
2. Mengemukakan calon-calon yang disokong kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Gugusan (short listing).
3. Menentukan tempoh masa yang sesuai bagi seseorang calon yang tidak disokong untuk dinilai semula.

### 6.1.3 Tempoh perlantikan

Tempoh perlantikan ahli Jawatankuasa Kecil Kesepakatan adalah selama dua (2) tahun

## 6.2 Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan DU52/DM52 / DU54/DM54 / VK7

Permohonan calon-calon kenaikan pangkat ke Gred DU52/DM52/DU54/DM54/VK7 yang telah dinilai dan disokong oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan untuk pengesahan dan perakuan.

### 6.2.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan adalah seperti berikut:

1. Pengerusi : Pengerusi Gugusan
2. Keahlian : Profesor bidang Pengkhususan  
(diwakili sekurang-kurang seorang dari setiap Fakulti)  
*Dilantik oleh TNC Akademik*

### 6.2.2 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan

1. Mengesah dan memperakukan keputusan Jawatankuasa Kecil Kesepakatan
2. Menyalurkan permohonan yang berjaya kepada Urusetia Kenaikan Pangkat

### 6.2.3 Tempoh perlantikan Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan

Tempoh perlantikan Ahli Jawatankuasa ini adalah selama 2 tahun

## 7.0 PENILAI LUAR

- 7.1 Untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DU/DM54, tiga (3) orang Penilai Luar dilantik oleh Universiti. Manakala bagi urusan kenaikan pangkat ke Profesor Gred Khas C, tiga (3) orang Penilai Luar dilantik oleh Universiti, sekurang-kurangnya seorang Penilai di peringkat antarabangsa

- 7.2 Penilai Luar yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- i. Seseorang Profesor dari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya,
  - ii. Seseorang yang dapat memberi penilaian pakar/profesional mengenai calon yang dinilai,
  - iii. Seseorang yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan/persaudaraan dengan calon dinilai,
  - iv. Seseorang pewasid (referee) boleh ada hubungan usahasama secara langsung dengan calon dinilai. Contoh, Penyelia Tesis, Penulis/Penyelidik bersama dan sebagainya, dan
  - v. Seseorang Penilai Luar (External Assessor) adalah yang tidak ada hubungan usahasama secara langsung dengan calon dinilai. Contoh, Penyelia Tesis, Penulis/Penyelidik bersama dan sebagainya

7.3 Tugas dan Tanggungjawab Penilai Luar ialah:

- i. Menilai kesesuaian calon secara umum dari aspek akademik dan profesional untuk pertimbangan kenaikan pangkat ke gred jawatan yang dipohon.
- ii. Menyediakan laporan penilaian/ulasan pakar dan mengemukakan kepada Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan.
- iii. Penilaian yang dibuat hendaklah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Universiti.

## 8.0 LEMBAGA TEMUDUGA

Calon-calon kenaikan pangkat ke Gred DU54/DM54 dan Gred VK7 yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan dikehendaki menghadiri satu sesi temuduga. Sesi temuduga berkenaan akan dikendalikan oleh Lembaga Temuduga yang dilantik oleh Naib Canselor.

8.1 Keanggotaan Lembaga Temuduga:

- i. Pengerusi : Naib Canselor
- ii. Ahli : Timbalan Naib Canselor (Akademik)  
Timbalan Naib Canselor (HEP)  
Timbalan Naib Canselor (PPS)  
2 orang Profesor Kanan UiTM (Gred VK6/VK5)  
*Dilantik oleh Naib Canselor*
- iii. Setiausaha : Pendaftar

- 8.2 Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Temuduga:
- i. Menemuduga calon-calon yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan
  - ii. Membuat pemilihan calon berjaya berdasarkan:
    - a. Laporan penilaian dan perakuan oleh Jawatankuasa Kecil Kesepakatan
    - b. Laporan penilaian/ulasan pakar oleh Penilai Luar
    - c. Pertimbangan berdasarkan kriteria dinilai semasa temuduga
  - iii. Mengemukakan perakuan calon berjaya kepada Lembaga Kenaikan Pangkat

## 9.0 LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT

Keputusan muktamad perlantikan kenaikan pangkat calon-calon berjaya dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat staf akademik hendaklah diputuskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat UiTM seperti berikut:

### A. Lembaga Pengarah UiTM

Bagi urusan kenaikan pangkat ke Gred VK7 dan peningkatan ke Gred Khas yang lebih tinggi.

### B. Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM

Bagi urusan kenaikan pangkat ke Gred DM46, DU52/DM52 dan DU54/DM54.

## 10.0 KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT

Keputusan kenaikan pangkat adalah muktamad. Calon-calon yang gagal dimana-mana peringkat tapisan akan di pertimbangkan semula dalam urusan kenaikan pangkat seterusnya mengikut tempoh yang dicadangkan oleh Lembaga Temuduga atau Jawatankuasa Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan atau Jawatankuasa Kecil Kesepakatan. Oleh yang demikian tiada prosedur rayuan bagi urusan Kenaikan Pangkat Staf Akademik



## APPENDIK

### Penghargaan

#### JAWATANKUASA PEMANTAPAN KRITERIA, PROSEDUR DAN PROSES KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UiTM

**Pengerusi** : **Dato' Prof. Dr. Ahmad Haji Zainudin**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik) {sehingga 15/05/2004}

### Ahli

Pengerusi Gugusan Sains dan Teknologi  
Pengerusi Gugusan Sains Pengurusan  
Pengerusi Gugusan Sains Sosial dan Kemasyarakatan  
Dekan-Dekan Fakulti  
Ketua-Ketua Pusat  
Profesor/Profesor Madya yang dilantik/dijemput

### *Urusetia*

Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya,  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar

Bahagian Hal Ehwal Akademik